



22 Ogos 2019  
22 August 2019  
P.U. (A) 225

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN  
(PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA)  
(NEGERI SABAH) 2019

*FEDERAL CONSTITUTION (DELIMITATION OF  
CONSTITUENCIES) (STATE OF SABAH) ORDER 2019*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN  
(PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA)  
(NEGERI SABAH) 2019

BAHAWASANYA Suruhanjaya Pilihan Raya telah, mengikut kehendak Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, melaksanakan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri Sabah selaras dengan keputusan Dewan Undangan Negeri Sabah yang meluluskan pindaan undang-undang ke atas Fasal (2) Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sabah berhubung komposisi keanggotaan Dewan Undangan Negeri daripada 60 kerusi kepada 73 kerusi, yang telah diwartakan untuk berkuat kuasa pada 18 Ogos 2016;

DAN BAHAWASANYA Suruhanjaya Pilihan Raya telah, mengikut seksyen 8 Bahagian II Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan, mengemukakan kepada Perdana Menteri pada 21 Februari 2017 laporannya yang mengandungi syor-syor berkenaan dengan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri Sabah;

DAN BAHAWASANYA laporan Suruhanjaya Pilihan Raya itu telah dibentangkan di Dewan Rakyat di bawah seksyen 9 Bahagian II Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Bahagian II Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 22 Ogos 2019.

**Syor-syor hendaklah berkuat kuasa**

2. Syor-syor yang terkandung dalam laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 14 Februari 2017 hendaklah berkuat kuasa dari tarikh Perintah ini mula berkuat kuasa.

Dibuat 20 Ogos 2019

[PM(R)11880/A088/4 Jld.; SPR(R)60 Jld.21; PN(PU2)171C/IX]

Dengan Titah Perintah

DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR  
*Setiausaha Jemaah Menteri*

FEDERAL CONSTITUTION

FEDERAL CONSTITUTION (DELIMITATION OF CONSTITUENCIES)  
(STATE OF SABAH) ORDER 2019

WHEREAS the Election Commission has, in accordance with the requirements of Clause (2) of Article 113 of the Federal Constitution, conducted a review on the delimitation of the Federal and State constituencies of the State of Sabah pursuant to a resolution of the Legislative Assembly of the State of Sabah which passed the amendment to Clause (2) of Article 14 of the Constitution of the State of Sabah regarding the composition of the membership of the State Legislative Assembly from 60 seats to 73 seats, which has been gazetted to be in force on 18 August 2016;

AND WHEREAS the Election Commission has, in accordance with section 8 of Part II of the Thirteenth Schedule to the Federal Constitution, submitted to the Prime Minister on 21 February 2017 its report containing recommendations with respect to the review on the delimitation of the Federal and State constituencies of the State of Sabah;

AND WHEREAS the report of the Election Commission has been laid before the House of Representatives under section 9 of Part II of the Thirteenth Schedule to the Federal Constitution;

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by section 12 of Part II of the Thirteenth Schedule to the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This Order may be cited as **Federal Constitution (Delimitation of Constituencies) (State of Sabah) Order 2019**.

(2) This Order comes into operation on 22 August 2019.

**Recommendations to have effect**

2. The recommendations contained in the report of the Election Commission dated 14 February 2017 shall have effect from the date of the coming into operation of this Order.

Made 20 August 2019

[PM(R)11880/A088/4 Jld.; SPR(R)60 Jld.21; PN(PU2)171C/IX]

By Command

DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR  
*Secretary to the Cabinet*